

MyKad siap

24 jam di Putrajaya

UM - 7/8/2000

PUTRAJAYA 8 Ogos - MyKad mampu disiapkan dalam tempoh 24 jam jika ia diproses di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di sini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata, perkara tersebut merupakan antara langkah yang diambil oleh JPN untuk kemudahan masyarakat.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan dan Sambutan Bulan Kemerdekaan kementerian itu di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun berkata, mengikut statistik terkini JPN bagi tempoh tiga bulan ini, sebanyak 199,864 MyKad tidak dituntut.

"Selangor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 56,263 pemohon tidak menuntut MyKad," katanya.

Mengenai insiden penyemburan gas pemedih mata terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini, Setiausaha Agung UMNO itu berkata, sebenarnya tiada cubaan untuk menyembur bekas Perdana Menteri itu.

"Ketika kejadian, kebetulan Tun berada di situ, saya pasti dia (orang berkenaan) hendak menyembur orang lain," katanya.

Radzi berkata, rakaman video insiden itu telah ditunjukkan oleh UMNO Kelantan dalam pertemuan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini, malam tadi.